



TEKS KHUTBAH AIDILADHA

“IBADAH KORBAN: LAMBANG
PENYUCIAN JIWA”

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

1447 H / 2026 M





Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“IBADAH KORBAN: LAMBANG PENYUCIAN JIWA”

27 Mei 2026 / 10 Zulhijah 1447

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ¹،
اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا لِعِبَادَتِهِ، وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ³ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah

Marilah kita tingkatkan takwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Nya; mengikhlaskan diri ketika melaksanakan setiap ibadah dan mensyukuri setiap nikmat kurniaan Ilahi. Pada pagi Aidiladha yang penuh barakah ini, sama-samalah kita membuka pintu hati menghayati khutbah bertajuk:

“IBADAH KORBAN: LAMBANG PENYUCIAN JIWA”

Hari Raya Aidiladha ialah hari umat Islam digalakkan menyembelih binatang korban, bermula selepas solat Aidiladha pada 10 Zulhijah hingga sebelum terbenam matahari pada 13 Zulhijah. Rasulullah SAW bersabda:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Maksudnya: Tidak ada amalan anak Adam pada hari *Nahr* (Aidiladha) yang lebih dicintai Allah selain daripada menumpahkan darah (korban). (Riwayat al-Tirmizi)

Penyembelihan haiwan korban dapat dilihat secara zahir oleh mata manusia. Namun hakikat korban menuntut pembersihan jiwa, pengorbanan menghakis sifat-sifat mazmumah yang bersarang di dalam hati. Menyembelih seekor haiwan mengambil masa hanya beberapa minit; namun menyembelih sifat-sifat sombong, riak, takbur, bongkak, ujub, hasad, dengki dan marah mengambil masa bertahun-tahun, malah boleh melangkaui sepanjang hayat. Pisau yang tajam mampu memutuskan urat di leher haiwan korban, namun untuk memutuskan akar kesombongan, memerlukan pisau kesedaran, muhasabah dan takwa.

الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر والله الحمد،

Kisah pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS, bukan sekadar kisah sejarah; tetapi kisah tersebut hendaklah dijadikan cermin kehidupan kita. Allah SWT menguji Nabi Ibrahim AS dengan sesuatu yang paling dicintainya. Baginda diuji dengan perintah menyembelih putera kesayangan, Ismail AS; ternyata baginda lulus ujian besar daripada Ilahi.

Dalam kehidupan ini, kita juga sebenarnya mempunyai 'Ismail' masing-masing. 'Ismail' yang kita cintai, ada yang berbentuk harta, ada yang berbentuk pangkat, ada yang berbentuk kedudukan, yang tanpa kita sedari telah mempengaruhi dan membentuk sifat kesombongan dalam diri kita. Sesungguhnya Allah SWT menguji kita dengan perkara yang kita cintai. Dalam banyak keadaan, perkara yang paling kita cintai tanpa kita sedari ialah sifat kesombongan diri.

Orang sombong merasa dirinya lebih baik, lalu dengan angkuh sanggup menolak kebenaran. Sombong menyebabkan kita sukar menerima teguran, susah mengakui kesilapan, lalu lidah terlalu berat untuk mengucapkan kata-kata, “Saya tersilap, atau saya telah melakukan kesalahan atau saya memohon maaf.”



Iblis tersesat bukan kerana kurang ilmu, tetapi Iblis tersesat kerana kesombongan? Keengganan untuk sujud kepada Adam AS berpunca daripada ungkapan yang penuh keangkuhan: “Aku lebih baik daripadanya.” Ungkapan ini masih hidup hingga hari ini, bukan dalam bentuk yang sama, tetapi dalam pelbagai bentuk, rupa dan ragam manusia.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Jemaah yang dikasihi Allah,

Menyembelih sifat sombong memerlukan kesediaan untuk merendah diri; bersedia mengakui bahawa kita telah tersilap dan memilih untuk memohon maaf, meskipun hati masih berat; memilih berdiam diri, meskipun kita mampu membalas hujah; terbuka menerima bahawa pandangan orang lain lebih baik daripada pandangan kita. Pada saat-saat sedemikianlah, kita telah berjaya menyembelih dan mengorbankan sifat sombong.

Usaha membersihkan jiwa daripada sifat-sifat tercela seperti sombong, riak, takbur, bongkak, ujub, hasad, dengki dan marah, memang sukar dilakukan. Ramai yang mampu melaksanakan ibadah yang zahir namun amat sukar memelihara hati yang batin.

Untuk membendung sifat-sifat buruk tersebut, mimbar mengajak ummah sama-sama mengamalkan lima perkara berikut:

Pertama: Membudayakan tawaduk, melatih diri bersikap rendah diri; insaf bahawa biar setinggi mana darjat, pangkat dan kedudukan kita di dunia ini, kita sebenarnya berasal dari tanah dan akan kembali menjadi tanah.

Kedua: Merenung kekurangan diri; sentiasa ingat bahawa setiap kelebihan nikmat adalah pinjaman daripada Allah SWT yang boleh ditarik pada bila-bila masa.

Ketiga: Bermuhasabah diri; sentiasa memandang orang lain lebih baik daripada diri sendiri.

Keempat: Melatih hati untuk menghakis sifat mazmumah daripada bersarang.



Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ.

Jemaah Rahimakumullah,

Manfaatkan sambutan Aidiladha untuk merapatkan hubungan silaturahim. Agihkan daging korban kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Hargailah pengorbanan anggota pasukan keselamatan, petugas kesihatan, pemandu teksi dan kenderaan awam, serta semua pihak yang sedang melaksanakan pelbagai tugas fardu kifayah, sewaktu kita bergembira menyambut Aidiladha bersama keluarga. Mereka berkorban tenaga, masa, dan jiwa demi menjaga keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan masyarakat. Semoga mereka sentiasa ikhlas memenuhi amanah yang dipertanggungjawabkan. Semoga pengorbanan dan khidmat bakti mereka dilimpahi ganjaran dunia – ganjaran akhirat.

Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar meliputi aliran *Asya'irah Maturidiyyah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁴

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁵ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَعَن بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! semoga sambutan Aidiladha ini menginsafkan kami untuk meneladani pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan mencontohi Rasulullah SAW dalam melaksanakan segala perintah Mu, dilakukan dengan taat dan ikhlas kerana Mu. Kurniai haji yang mabrur kepada para tetamu Mu yang sedang mengerjakan ibadah haji.

Ya Allah Ya Hafiz! kami pohonkan perlindungan, dengan kudrat Mu agar melindungi kami dan keluarga kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika menyambut Aidiladha. Kurniai kami kesihatan dan keselamatan ketika kami dalam perjalanan menziarahi ibu bapa dan saudara-mara kami, moga terjalin silaturahim yang erat dan semakin kukuh hubungan kekeluargaan kami.

Ya Mannan! Ya Razzaq! berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

⁴ Ayat Al-Quran

⁵ Doa untuk kaum muslimin.

Ya Mukmin! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir! kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ أَحْمَدُ